



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55
No. 4

14hb Februari 2002

TAMBAHAN
No. 1

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

No. 247.

NOTIS PERLANJUTAN SENARAI NILAIAN YANG DISEDIAKAN
UNTUK TAHUN 1993

NOTICE OF EXTENSION OF VALUATION LIST PREPARED FOR
THE YEAR 1993

MAJLIS PERBANDARAN KLANG
KLANG MUNICIPAL COUNCIL

Menurut seksyen 137 dan seksyen 141 Akta Kerajaan Tempatan 1976, adalah dengan ini diberitahu bahawa dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri, Senarai Nilaian yang disediakan untuk tahun 1993 yang mana ianya hendaklah berkuatkuasa sehingga 31 Disember 1997 adalah dengan ini dilanjutkan untuk terus berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2002.

Bertarikh 2 Januari 2002.

MOHD SHARIF BIN YUSOF,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Klang

In pursuance to sections 137 and 141 of the Local Government Act 1976, notice is hereby given that with the approval of the State Authority, the Valuation List

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

210

[14hb Feb. 2002]

prepare for the year 1993 which shall remain in force until 31st December 1997 is hereby extended to continue to remain in force until 31st December 2002.

Dated 2 January 2002.

MOHD SHARIF BIN YUSOF,
President,
Klang Municipal Council

ENAKMEN RIZAB MELAYU
(NMB. Bab 142)

THE MALAY RESERVATION ENACTMENT
(FMS. Cap. 142)

No. 248.

PENGITIRAFAN DI BAWAH SEKSYEN 20

RECOGNITION UNDER SECTION 20

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20 Enakmen Rizab Melayu (FMS. Bab. 142), Raja dalam Mesyuarat dengan ini telah memutuskan untuk mengiktiraf Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sebagai “*Melayu*” bagi maksud Enakmen tersebut.

In exercise of the powers given by section 20 of the Malay Reservation Enactment (FMS. Cap. 142), the Ruler in Council hereby has decided to recognize Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) as a “*Malay*” for the purpose of the Enactment.

Bertarikh 22 Januari 2002.

Dated 22 January 2002.
[PU. Sel. AM. 0093.]

Dengan Titah Perintah Sultan Selangor,
By the Command of His Highness the Sultan of Selangor,

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO,
Dato' Menteri Besar,
Selangor

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 249.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Esah bt. Jambol, yang beralamat 5517-A Kebun Sultan, 15300 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim dan/atau Lot 14 Jalan 39/A, Selayang Baru,

68100 Batu Caves, Selangor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman, KM16 Jalan Rawang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan pada hari Selasa bertarikh 26 Februari 2002 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu. No. PT/Lot—28 Jln. 36. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 5369. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Pendaftaran Gadaian (jika ada)—Pers. 3416/96, Jld. 158, Folio 48.

Bertarikh 5 Februari 2002.
[PTDG. 15/99/00 (Bt.)]

SAAD BIN ISMAIL,
Pentadbir Tanah,
Gombak

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA